

## **PERSEPSI ORANG AWAM TERHADAP KEBERKESANAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR) SEPANJANG PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) (COVID-19)**

**Nik Azmi Nik Omar, Rosmaiza Abdul Ghani, Khairul Azfar Adzahar,  
Mohd Shafiz Saharan, Nurul Atikah Adnan**

### **ABSTRAK**

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan di Malaysia telah membawa impak yang positif. Pelbagai kaedah diambil oleh pihak kerajaan Malaysia untuk mengekang penularan wabak COVID-19 ini. Walaupun demikian, keberkesanan tindakan penguatkuasaan bagi mengekang penularan COVID-19 sepanjang PKP perlu dikenalpasti demi penambahbaikan. Artikel ini bertujuan untuk melihat persepsi orang awam terhadap keberkesanan sekatan jalan raya (SJR) sepanjang tempoh PKP semasa pandemik COVID-19. Kajian ini merangkumi seluruh Malaysia dalam tempoh pelaksanaan PKP bermula 18 Mac 2020 sehingga 1 Jun 2020. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu melalui kaedah soal selidik atas talian. Maklum balas yang diperolehi, secara keseluruhannya, didapati majoriti responden memberikan jawapan yang positif. Rata-rata rakyat Malaysia bersetuju bahawa perlaksanaan SJR dalam tempoh PKP adalah berkesan serta tidak mengganggu kelancaran pergerakan trafik dan berpendapat bahawa kekerapan rondaan oleh pihak PDRM adalah mencukupi.

*Kata Kunci: Persepsi, Keberkesanan, Sekatan Jalan Raya, Perintah Kawalan Pergerakan, COVID-19*

### **ABSTRACT**

The Movement Control Order (PKP) carried out in Malaysia has had a positive impact. Various methods were carried out by the Malaysian government to curb the spread of the COVID-19 epidemic. Nevertheless, the effectiveness of enforcement to curb the spread of COVID-19 throughout the PKP needs to be recognized so that improvements can be made. This article aims to look at public perceptions of the effectiveness of roadblocks throughout the PKP during the COVID-19 pandemic. This study covers the whole of Malaysia

during the implementation period of PKP from March 18 to June 1, 2020. This study uses a quantitative method that is through the method of online questionnaires. The feedback obtained found that the majority of respondents gave positive answers. Most Malaysians agree that the implementation of roadblocks during the PKP period is effective and the frequency of patrols by the PDRM is sufficient during the PKP period and the roadblocks carried out do not interfere with traffic movement.

**Keywords:** Perception, Effectiveness, Road Blocks, Movement Control Order, COVID-19

## PENGENALAN

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji keberkesanan mendirikan sekatan jalan raya (SJR) semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebagai tindakan penguatkuasaan bagi mengawal penularan wabak *Corona Virus Disease 2019* (COVID-19). Wabak COVID-19 mula diberi perhatian serius semenjak pertengahan Disember 2019 yang berpunca daripada *Severe Acute Respiratory Syndrome – Corona Virus 2 (SARS-CoV-2)* dan Middle East Respiratory syndrome-related coronavirus (MERs-CoV) (Chang, et al., 2020; Liu, et al., 2020). Virus ini menyerang radang paru-paru yang membawa kepada masalah pernafasan akut terutama sekali kepada kanak-kanak, warga emas dan mereka yang mempunyai penyakit kronik seperti kencing manis dan darah tinggi (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2020). Wabak COVID-19 telah diumumkan sebagai pandemik oleh *World Health Organization* (WHO, 2020) pada awal tahun 2020 (He at al., 2020). Sindrom kesukaran pernafasan akibat virus ini boleh menyebabkan kematian. Kes pertama dikesan pada 17 November 2019. Virus ini tersebar melalui kontak di antara individu yang dijangkiti kepada individu yang lain melalui titisan dari hidung atau mulut yang tersebar apabila individu yang dijangkiti itu bersin atau batuk. Individu juga boleh dijangkiti virus ini sekiranya memegang permukaan atau objek yang telah dicemari virus, lalu kemudiannya menyentuh mata, hidung atau mulut. Oleh itu, penjarakan sosial (*social distancing*) dan kerap membasuh tangan dengan betul boleh membantu mengawal wabak ini.

Bagi mengekang penularan virus COVID-19 ini, hampir kebanyakan negara di seluruh dunia melaksanakan PKP dalam pelbagai versi. Secara amnya, tempoh PKP memakan masa hampir 2 hingga 3 bulan ataupun lebih lama dari tempoh tersebut. Perintah ini adalah untuk memastikan semua orang menjaga jarak sosial dari mengelakkan penularan virus kepada orang lain. Orang ramai tidak digalakkan untuk keluar bekerja, pelajar tidak dibenarkan ke sekolah, banyak kilang, kedai, restoran semuanya ditutup serta sekat kemasukan pelancong asing telah dikuatkuasakan. Aktiviti-aktiviti kebanyakannya dijalankan dalam talian, seperti bekerja dari rumah, kelas dalam talian, pemasaran dalam talian, persidangan dalam talian dan sebagainya.

Walaupun demikian, keberkesanan pelaksanaan PKP bagi mengekang penularan COVID-19 perlu dikenalpasti agar penambahbaikan dapat dilakukan. Adalah penting bagi pihak kerajaan, khususnya Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk menilai semula serta membentuk polisi-polisi baharu berkaitan PKP demi kebaikan seluruh rakyat Malaysia. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk mengkaji keberkesanan pelaksanaan PKP bagi mengawal penularan COVID-19 sepanjang tempoh penguatkuasaan PKP.

Artikel ini disusun seterusnya dalam lima bahagian. Pada bahagian kedua, kajian literatur dan definisi telah dibincangkan. Ini diikuti oleh bahagian ketiga yang mengandungi penjelasan tentang metodologi kajian. Hasil kajian diperjelas di bahagian ke empat dan bahagian yang terakhir adalah rumusan dan juga kesimpulan kajian.

## KAJIAN LITERATUR

Keyakinan terhadap peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan dapat mengukur kesesuaian dan keberkesanan perlaksanaannya. Masyarakat menunjukkan keyakinan dengan mematuhi arahan, peraturan dan garis panduan kesihatan dengan baik (Gillas et al, 2011; Prati et al., 2011 dan Quinn et al, 2013). Seterusnya, peraturan jangka pendek yang ketat serta berani yang diambil oleh kerajaan berpotensi untuk menyatupadukan masyarakat dalam menangani wabak ini. Sebagai contoh di New Zealand, rakyat di sana telah menunjukkan

keyakinan yang tinggi terhadap kerajaan dan pihak berkuasa, mereka berpuas hati terhadap perkembangan kerajaan, dan sifat patriotisma terhadap negara mereka juga meningkat (Postmes et al., 2013). Sibley et al., (2020) juga menerangkan bahawa perlaksanaan *lockdown* telah membuatkan rakyat mempunyai kepercayaan dan keyakinan yang serta-merta terhadap kerajaan. Ini membuktikan bahawa perlaksanaan PKP merupakan satu tindakan yang proaktif dan bersesuaian dalam menangani wabak COVID-19 di Malaysia.

Walaupun perlaksanaan PKP merupakan peraturan yang sesuai dilaksanakan dalam jangka masa pendek sahaja tetapi ianya adalah langkah yang terbaik dan berkesan untuk menangani wabak ini daripada terus menular. Menurut Bhat et al. (2020), majoriti masyarakat di Kashmir bersetuju dan berpuas hati terhadap peraturan drastik yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk menguatkuaskan PKP dan mereka yakin ianya merupakan peraturan yang terbaik untuk memutuskan rantai COVID-19 di dalam negara. Peraturan ini juga amat diperlukan oleh rakyat sesebuah negara untuk menjaga kesihatan bukan sahaja dari segi fizikal bahkan juga dari segi mental (Bhat et al., 2020).

Kesan dari pandemik COVID-19 bukan sahaja mengancam nyawa tetapi mengakibatkan kesan yang buruk dan menjadikan aktiviti ekonomi global. Menyingkap sejarah tindakan pembendungan wabak-wabak sebelum ini, seperti semasa penularan SARS, akhir Februari tahun 2003, wabak ini telah menyebabkan berlakunya sekatan perjalanan yang dijalankan oleh pihak berkuasa ke wilayah Asia yang terjejas dengan wabak ini. Tindakan kuarantin dan pengasingan di bandar-bandar besar telah dilakukan dalam usaha untuk membendung penyebaran. Malah, presiden Amerika Syarikat ketika itu telah menandatangani perintah eksekutif untuk menambahkan SARS dalam senarai penyakit berjangkit yang perlu dikuarantin. Di bandar-bandar yang terjejas seperti di Beijing, China, pegawai polis diarahkan untuk berkawal diseluruh bandar bagi memastikan penduduk tidak berada di kawasan lain selain daripada di rumah. Kesannya, jalan raya yang biasanya penuh sesak dan dipenuhi dengan kenderaan awam dan persendirian kini lengang tanpa pengguna jalan raya. Tempat-tempat kunjungan awam ditutup, dirantai dan dikawal ketat (Overby, et al., 2004).

Situasi yang hampir sama dapat dilihat ketika berlakunya penularan meluas wabak Ebola sekitar tahun 2013 hingga tahun 2016. Sierra Leone, Liberia dan Guinea merupakan tiga negara yang dilanda teruk dengan wabak ini. Wabak yang dikesan berpunca daripada sentuhan dengan kelawar ini telah mencatatkan penularan jangkitan sebanyak lebih daripada 28,600 kes dengan lebih daripada 11,300 kematian dalam tempoh 2 tahun (Bonwitt, et al., 2018). Antara tindakan utama untuk mengawal penyebaran wabak ini termasuklah SJR yang diadakan di beberapa lokasi utama penyebaran wabak tersebut. Malah, Siera Leone telah mengisytiharkan darurat pada 31 Julai 2014 selepas penularan wabak dan mengadakan sekatan ketat terhadap pergerakan orang ramai di negara tersebut.

Terkini, ketika berhadapan dengan ancaman COVID-19, tindakan Malaysia membendung penularan COVID-19 disifatkan lebih bersedia, pantas dan proaktif berbanding ketika berdepan wabak berbahaya terdahulu seperti SARS dan Ebola. Tindakan ini termasuklah sekatan perjalanan dalam dan ke luar negara dan SJR. Hampir semua negara yang terjejas dengan COVID-19 telah menguatkuasakan PKP atau kuarantin serta sekatan perjalanan ke dalam dan luar negara bagi mengawal penularan. China, negara yang didakwa sebagai negara punca kepada penularan COVID-19 seumpamanya, telah melancarkan perintah kuarantin secara besar-besaran di seluruh Wilayah Hubei yang menjaskan lebih 40 juta penduduknya (Khor et al., 2020). SJR telah diadakan di seluruh kawasan ibu negara wilayah tersebut bagi menghalang kenderaan yang cuba keluar dari bandar dan tiada sesiapa yang berani meninggalkan bandar itu.

Di Malaysia, kerajaan telah menguatkuasakan perintah pengawasan dan pemerhatian mengikut seksyen 15 (1), Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) serta Akta Polis 1967 (Akta 334). PKP atau *Restricted Movement Order (RMO)* dikuatkuasakan bagi menyekat sebaran COVID-19 demi keselamatan rakyat. Dalam masa yang sama, rakyat diwajibkan untuk patuh setiap peraturan yang telah ditetapkan dalam tempoh tersebut. Sekatan ini melibatkan pelbagai agensi kerajaan termasuk PDRM, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) serta Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA). Sekatan perjalanan ini bertujuan untuk memastikan rakyat Malaysia terus patuh dan kekal di rumah bagi

memerangi dan mengawal penularan wabak ini (Khor et al., 2020).

Sekatan perjalanan menyeluruh telah dilaksanakan meliputi semua pergerakan di dalam negara samada antara daerah atau antara negeri serta perjalanan ke luar negara. Sekatan perjalanan juga dikuatkuasakan terhadap warganegara dan penduduk tetap Malaysia ke luar negara dan kemasukan semua pelancong dan pelawat asing ke dalam negara. Bagi warganegara dan penduduk tetap Malaysia yang pulang dari luar negara, mereka dibenarkan masuk dan dikehendaki menjalani pemeriksaan kesihatan dan melakukan kuarantin sendiri selama 14 hari. Sekatan perjalanan ini juga dikuatkuasakan bagi perjalanan domestik kecuali bagi warganegara Malaysia yang telah mendapat pelepasan pihak berkuasa atas alasan tertentu. Malah, bagi warganegara atau penduduk tetap Malaysia yang mempunyai permit bekerja di luar negara dibenarkan keluar dari Malaysia ke negara tersebut namun mereka tidak dibenarkan pulang ke Malaysia dalam tempoh PKP.

Salah satu langkah pencegahan drastik yang dilakukan oleh pihak kerajaan Malaysia adalah dengan mendirikan SJR di kebanyakan jalan-jalan utama di seluruh Malaysia. Bermula PKP Fasa 1 iaitu pada 18 Mac 2020, SJR telah didirikan di seluruh lokasi-lokasi yang strategik dan diyakini oleh pihak berkuasa menjadi jalan utama tumpuan orang ramai. SJR ini pada mulanya melibatkan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) sahaja. Namun berikutan keengganannya sebilangan rakyat Malaysia untuk patuh terhadap arahan yang dikeluarkan dan disebabkan bilangan penangkapan yang semakin meningkat, kerajaan Malaysia mengambil keputusan untuk melibatkan jabatan-jabatan beruniform yang lain seperti ATM dan RELA untuk membantu dalam operasi mengawal dan memastikan kepatuhan rakyat Malaysia, terutamanya di SJR.

Walaupun SJR yang didirikan bertujuan untuk memastikan rakyat Malaysia untuk kekal sentiasa berada di rumah, namun masih ada individu-individu yang ingkar terhadap arahan PKP yang telah dikeluarkan. Malah, bilangan individu yang ditangkap dan dikenakan tindakan kompaun di SJR atas pelbagai kesalahan semakin meningkat dari hari ke hari iaitu melebihi 25,000 individu sejak 18 Mac 2020 (Ahmad, 2020). Bermula 4 Mei 2020, susulan daripada pengumuman Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkenaan perlaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat

(PKPB), SJR di seluruh negara telah dilonggarkan dan hampir ke semua sektor ekonomi dan sosial dibuka semula. Terdapat SJR di lokasi tertentu telah ditarik balik disebabkan oleh penstrukturran semula operasi SJR, namun pergerakan rakyat Malaysia masih terhad kerana individu yang ingkar terhadap peraturan, masih boleh dikenakan tindakan undang-undang seperti PKP sebelumnya. Hanya pergerakan dengan syarat-syarat tertentu sahaja dibenarkan. Keadaan ini kekal sehingga 9 Jun 2020 apabila perlaksanaan PKPP, di mana SJR telah ditarik balik daripada semua lokasi.

## **METODOLOGI**

### **Prosedur Kajian**

Sebanyak 1,211 maklum balas telah diterima daripada kutipan data kaji selidik secara atas talian menggunakan aplikasi *Google Form*. Kutipan data telah dijalankan dari 2/6/2020 sehingga 18/6/2020 melalui email pemberitahuan dari UiTM Cawangan Kedah dan KDN beserta pautan kutipan data kepada responden untuk mengisi borang soal selidik secara atas talian. Secara keseluruhan, profil demografik responden kajian ini menunjukkan majoriti responden adalah perempuan, berumur antara 26 tahun sehingga 65 tahun, berbangsa Melayu, beragama Islam, berkahwin, bertaraf pendidikan sarjana dan ke atas, bekerja di sektor awam dan berkhidmat/bekerja di perkhidmatan biasa (*Non-Essential Services*). Oleh kerana tiada populasi kajian secara spesifik yang telah ditetapkan, maka boleh dirumuskan bahawa sampel kajian ini adalah mencukupi bagi memenuhi keperluan objektif serta persoalan kajian.

### **Analisa Data Primer**

Soal selidik ini mengandungi soalan-soalan berkaitan persepsi dan pandangan masyarakat terhadap keberkesanan SJR sepanjang PKP dilaksanakan. Menteri Kanan Pertahanan Kementerian Pertahanan Malaysia Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob telah mengarahkan petugas-petugas daripada PDRM dibantu oleh Angkatan Tentera Malaysia (ATM), RELA, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan lain-lain agensi bagi membantu mengawal pergerakan masyarakat di seluruh daerah dan negeri dengan pelaksanaan SJR. Hal ini bagi


memastikan masyarakat tidak merentas daerah atau negeri dan sentiasa mematuhi arahan PKP iaitu hanya perlu kekal duduk di rumah. Perkara ini penting bagi memastikan tiada pertambahan kes jangkitan COVID-19 terbaru dan sekaligus memutuskan rantaian penularan wabak COVID-19 tersebut.

Terdapat lapan (8) soalan telah ditanya di dalam soal selidik yang berkaitan dengan pelaksanaan SJR ketika PKP dengan melihat persepsi masyarakat menggunakan skala *likert* 1 hingga 5 yang diwakili seperti berikut:

1. Sangat tidak setuju
2. Tidak setuju
3. Tidak pasti
4. Setuju
5. Sangat setuju

### Rajah 1:


*Sekatan Jalan Raya adalah Berkesan*



Rajah 1 menunjukkan persepsi responden tentang kenyataan bahawa perlaksanaan SJR dalam tempoh PKP-PKPB adalah berkesan. Seramai 599 (49.5%) respon yang sangat bersetuju dengan kenyataan dan diikuti oleh 513 (42%) responden yang setuju. 14 dari responden adalah tidak bersetuju manakala 8 ataupun kurang dari 1% responden adalah sangat tidak bersetuju. 77 (6%) daripada responden adalah tidak pasti tentang kenyataan tersebut.

## Rajah 2


*Kekerapan Rondaan oleh PDRM adalah Mencukupi*



Rajah 2 menunjukkan persepsi responden terhadap kenyataan bahawa kekerapan rondaan oleh PDRM dalam tempoh PKP-PKPB adalah mencukupi. Seramai 538 (44%) responden bersetuju bahawa kekerapan rondaan PDRM adalah mencukupi. Manakala 413 (34%) responden sangat bersetuju di atas kenyataan tersebut. Hanya 65 (5.4%) responden tidak bersetuju dan 13 (1%) responden adalah sangat tidak setuju dengan kekerapan rondaan yang dilakukan oleh pihak PDRM dalam tempoh PKP – PKPB.

**Rajah 3**

*Mengganggu Pergerakan Trafik*




Rajah 3 di atas menunjukkan respon terhadap pernyataan samada SJR mengganggu pergerakan trafik. Dari skala 1 hingga 5, hasil dapatan tersebut mendapat terdapat bilangan jawapan yang seimbang terhadap pernyataan ini. Namun begitu, jumlah tertinggi iaitu seramai 313 (25.8%) responden memilih jawapan tidak pasti dengan pernyataan ini. Dalam pada itu, pernyataan ini mendapat bilangan respon yang hampir sama iaitu tidak setuju sebanyak 273 (22.5%) responden dan setuju sebanyak 272 (22.5%) responden. Selebihnya, sebanyak 190 (15.7%) responden dan 163 (13.5%) responden memberi respon sangat tidak setuju dan sangat setuju dengan pernyataan tersebut masing-masing. Walaubagaimanapun, secara keseluruhan, majoriti tidak bersetuju 463 (38.2%) SJR mengganggu pergerakan trafik.

SJR bertujuan sebagai langkah mengawal pergerakan orang ramai sepanjang tempoh PKP. Walaubagaimanapun, masih terdapat ramai yang keluar tanpa alasan yang munasabah, sekaligus menyukarkan kelancaran pergerakan trafik di SJR yang diadakan. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh PDRM, seramai 26,366 individu telah diambil tindakan undang-undang atas pelbagai kesalahan sepanjang tempoh PKP dan PKPB di seluruh negara sejak 18 Mac 2020 (Ahmad, 2020). Keadaan ini telah mengganggu kelancaran pergerakan trafik ekoran daripada tindakan

pemeriksaan kenderaan dilakukan oleh pihak berkuasa di SJR. Namun begitu, bagi individu yang patuh kepada peraturan sepanjang PKP, mereka mungkin beranggapan SJR ini tidak akan mengganggu pergerakan trafik memandangkan orang ramai akan sentiasa berada di rumah.

#### Rajah 4


*Berhemah kepada Pemandu*



Berdasarkan Rajah 4, majoriti responden iaitu 558 (46.1%) bersetuju, manakala 492 (40.6%) responden sangat setuju bahawa polis bertanyakan soalan yang berhemah kepada pemandu. Baki 142 (11.7%) responden, 14 (1.2%) responden dan 5 (0.4%) responden masing-masing tidak pasti, tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Ini membuktikan bahawa pihak polis sentiasa bersikap berhemah sepanjang PKP. Hal ini kerana, pihak polis hanya diberikan kuasa menggunakan kekerasan yang munasabah terutamanya ketika melaksanakan tangkapan suspek yang mungkin berkeras atau melawan di atas kesalahan melanggar peraturan seperti rempuhan SJR serta tindakan tidak sopan terhadap pasukan keselamatan.

## Rajah 5


*Dijalankan di Tempat yang Sesuai dan Strategik*



Rajah 5 menunjukkan analisa berkenaan pernyataan samada SJR dijalankan di tempat yang sesuai dan strategik, sebilangan besar responden iaitu seramai 575 (47.5%) responden dan 471 (38.9%) responden masing-masing bersetuju dan sangat bersetuju bahawa SJR dijalankan di tempat yang sesuai dan strategik. Manakala baki 130 (10.7%) responden tidak pasti dengan pernyataan tersebut. Baki 20 (1.7%) responden tidak bersetuju dan 15 (1.2%) responden sangat tidak bersetuju bahawa SJR dijalankan di tempat yang sesuai dan strategik. Bagi memastikan tahap kepatuhan yang tinggi sepanjang tempoh PKP, PDRM telah mengambil langkah memilih lokasi yang diyakini menjadi laluan utama rakyat Malaysia di seluruh negara. Pemilihan lokasi sekatan ini bertujuan bagi mengawal pergerakan termasuk jika ada cubaan individu melakukan perjalanan rentas negeri tanpa alasan yang munasabah.

## Rajah 6


*Keputusan Kebenaran Pelepasan Adalah Tepat dan Betul*



Rajah 6 menunjukkan persepsi responden melihat pegawai polis menjalankan tugas memeriksa kenderaan secara professional. Keputusan responden dapat dilihat sebanyak 5 (0.4%) responden memberi maklumbalas sangat tidak setuju, 9 (0.7%) responden menyatakan tidak setuju dan 113 (9.3%) responden tidak pasti dengan pernyataan ini. Manakala 550 (45.4%) responden memberi maklumbalas setuju dengan tugas professional polis memeriksa kenderaan dan 534 (44.1%) responden sangat setuju dengan pernyataan ini. Secara keseluruhannya, majoriti responden tiada masalah dengan tindakan polis dalam memeriksa kenderaan dan ia dilaksanakan dengan penuh professional.

**Rajah 7**

*Memeriksa Kenderaan Secara Profesional*



Rajah 7 menunjukkan bilangan persepsi masyarakat berkenaan dengan keputusan kebenaran pelepasan oleh pegawai polis adalah tepat dan betul. Seramai 1,211 responden telah memberi maklumbalas persepsi mereka dengan sebanyak 8 (0.7%) responden menyatakan sangat tidak bersetuju, 19 (1.6%) tidak setuju dan 207 (17.1%) tidak pasti dengan keputusan pegawai polis adalah tepat dan betul. Manakala 517 (42.7%) responden menyatakan setuju dan 460 (38%) responden sangat bersetuju dengan keputusan kebenaran polis adalah tepat dan betul dalam SJR ini. Ini menunjukkan majoriti responden bersetuju (42.7%) dengan tindakan pegawai polis dalam membuat keputusan dengan tepat dan betul kepada pengguna jalan raya sepanjang tempoh PKP ini dijalankan.


Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) jelas memberi kuasa kepada Menteri Kesihatan untuk melantik mana-mana pihak yang sesuai untuk melaksanakan peraturan. Ini termasuk PDRM, ATM dan sebagainya untuk bertindak dalam bidang kuasa dan kewajipan sebagai penjawat awam bagi kesalahan mengingkari pegawai awam yang boleh dihukum di bawah akta ini dan Seksyen 186 Kanun Keseksaan (Awani, 2020). Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 2020 ini memperuntukkan sesiapa yang disabitkan kesalahan di bawah undang-undang ini akan didenda tidak lebih RM1,000 atau dipenjara tidak

lebih enam bulan atau kedua-duanya sekali (Berita Harian, 2020).

Walaubagaimanapun, masih ada segelintir masyarakat yang tidak memberi kerjasama dalam SJR yang dilaksanakan. Laporan akhbar pada 31 Mac 2020 menyatakan, tindakan seorang wanita menjerit dan memaki anggota polis yang menjalankan tugas di SJR di Persiaran Surian, Petaling Jaya, mengundang padah apabila dia ditahan. Wanita berusia 30-an berkenaan dikatakan bertindak sedemikian kerana bengang selepas terperangkap dalam kesesakan lalu-lintas berikutan pemeriksaan dilakukan polis dan tentera di lokasi itu. Malah, wanita berkenaan yang memandu kenderaan utiliti sukan turut membunyikan hon hampir 30 minit ketika cuba mencari jalan keluar daripada kesesakan ke rumahnya yang terletak berhampiran. Difahamkan wanita itu kemudian menghampiri anggota polis untuk menyatakan rasa tidak puas hati terhadap SJR yang didakwa menyusahkannya untuk membeli barang keperluan rumah. Anggota polis kemudian menahan wanita itu dan dibawa ke Balai Polis Damansara untuk tindakan lanjut mengikut Akta Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342). Ini jelas menunjukkan petugas-petugas barisan hadapan ini khususnya anggota polis sangat profesional dalam menjalankan tugas sepanjang PKP ini (Harian Metro, 2020).

### Rajah 8

*Pemeriksaan Sekatan Jalan Raya Adalah Lancar dan Efisien*



Rajah 8 di atas menunjukkan 10 (0.8%) responden menyatakan rasa sangat tidak setuju dengan pernyataan ini, 30 (2.5%) tidak setuju dan 149 (12.3%) tidak pasti dengan pernyataan ini. Manakala majoriti 555 (45.8%) responden bersetuju dan 467 (38.6%) menyatakan sangat bersetuju pemeriksaan SJR dilaksanakan dengan lancar dan efisien. Ini jelas menunjukkan SJR yang dilaksanakan tidak memberi masalah kepada masyarakat malah ia dilaksanakan dengan lancar dan efisien.

YB Dato' Sri Ismail Sabri Menteri Kanan Pertahanan berkata, jumlah kendaraan yang diperiksa di SJR oleh PDRM dan ATM turut meningkat sepanjang hujung bulan April lalu. Berdasarkan 827 SJR oleh PDRM dan ATM di seluruh negara, katanya, sebanyak 627,494 kendaraan diperiksa. Ia mungkin berpunca ramai yang keluar berbelanja untuk menyambut hari pertama Ramadan pada awal bulan Mei 2020 (Sinar Harian, 2020). Walaubagaimanapun, pemeriksaan dijalankan dengan lancar dan efisien oleh pegawai yang bertugas. Pemeriksaan pada setiap kendaraan perlu dijalankan bagi memastikan pengguna mematuhi prosedur standard operasi (SOP) yang telah ditetapkan oleh KKM.

Laporan akhbar juga menunjukkan pergerakan rentas negeri di lebuh raya utara-selatan berjalan dengan lancar walaupun kebenaran merentas negeri sepanjang 4 hari telah dibenarkan. Tiada pergerakan luar biasa berlaku di lebuh raya utara selatan dan tinjauan mendapati kawasan Rehat dan Rawat Sungai Perak menghala ke selatan lengang serta perjalanan menghala ke Kuala Lumpur berjalan dengan lancar. Ini menunjukkan masyarakat Malaysia patuh dengan arahan PKP dan kekal duduk dirumah jika tiada keperluan untuk keluar (Sinar Harian, 2020).

## **RUMUSAN DAN KESIMPULAN**

### **RUMUSAN**

Berdasarkan maklum balas yang diperolehi, secara keseluruhannya didapati majoriti responden memberikan jawapan yang positif. Rata-rata rakyat Malaysia bersetuju bahawa perlaksanaan SJR dalam tempoh PKP adalah berkesan. Mereka berpendapat, kekerapan rondaan oleh pihak PDRM adalah

mencukupi sepanjang tempoh PKP dan SJR yang dijalankan tidak mengganggu pergerakan trafik. Namun begitu, ada segelintir rakyat Malaysia yang berpendapat SJR yang diadakan mengganggu kelancaran trafik. Keadaan ini mungkin dipengaruhi oleh ketidakpatuhan rakyat Malaysia terhadap arahan untuk sentiasa duduk di rumah sepanjang tempoh PKP. Selain itu, majoriti berpendapat, pegawai polis menjalankan tugas dengan memeriksa kenderaan secara professional dan bertindak secara berhemah dalam bertanyakan soalan kepada para pemandu ketika di sekatan. Rakyat Malaysia juga bersetuju SJR dijalankan di tempat yang sesuai dan strategik, selain beranggapan pemeriksaan SJR tersebut adalah lancar dan efisien. Dalam kes-kes pengecualian, majoriti juga berpendapat keputusan kebenaran pelepasan oleh pegawai polis adalah dibuat dengan tepat dan betul.

Antara faktor yang terpenting kepada keberkesanan SJR ini adalah kerana kesedaran masyarakat yang tinggi terhadap kepentingan mengawal penularan wabak COVID-19 hasil daripada kempen-kempen yang dijalankan oleh WHO, KKM, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) serta agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang lain. Ini dapat dilihat daripada kepatuhan sebilangan besar rakyat Malaysia yang mengambil keputusan untuk kekal di rumah. Namun begitu, penambahbaikan dasar undang-undang masih lagi diperlukan dalam usaha menangani-wabak dengan lebih berkesan di masa akan datang. Misalnya, di bawah Seksyen 14 Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil 1955 bagi kesalahan menggunakan perkataan-perkataan tidak sopan terhadap pasukan keselamatan, hukumannya adalah denda RM100. Peruntukkan hukuman ini perlu dipinda dengan jumlah denda yang lebih besar.

Walaubagaimanapun, tindakan yang diambil oleh kerajaan Malaysia dengan mendirikan SJR adalah tepat bagi mengawal penularan wabak dan memastikan orang ramai sentiasa berada di rumah dalam usaha memutuskan rantai COVID-19. Mengambil contoh negara jiran Singapura, keputusan mereka tidak mengadakan SJR untuk mengatasi penularan wabak telah menyebabkan kes jangkitan semakin meningkat dari hari ke hari sehingga mele过asi angka 40,000 (Bernama, 2020).

## **KESIMPULAN**

Melalui dapatan kajian yang diperolehi, dapat disimpulkan bahawa rakyat Malaysia bersetuju bahawa pelaksanaan SJR dalam tempoh PKP adalah berkesan. Walaupun segelintir responden berpendapat bahawa SJR mengganggu kelancaran lalu lintas, namun majoriti responden berpendapat SJR yang didirikan tidak mengganggu kelancaran pergerakan trafik dan kekerapan rondaan oleh pihak PDRM adalah mencukupi sepanjang tempoh PKP di mana pelbagai agensi penguatkuasaan dikerahkan bagi membantu mengawal pergerakan masyarakat di seluruh daerah dan negeri dengan perlaksanaan SJR. Ini bagi memastikan masyarakat tidak merentas daerah atau negeri dan sentiasa mematuhi arahan PKP iaitu hanya perlu kekal duduk di rumah. Ianya penting bagi memastikan tiada pertambahan kes jangkitan COVID-19 terbaru dan sekaligus memutuskan rantai penularan wabak COVID-19 tersebut.

## **RUJUKAN**

- Ahmad, I. I. (2020). 26,366 individu ditahan sepanjang PKP, PKPB. *Berita Nasional.* <https://www.sinarharian.com.my/article/87126/BERITA/Nasional/26366-individu-ditahan-sepanjang-PKP-PKPB>
- Rafidah, M. R. & Noor Atiqah, S. (2020, April 1). COVID-19: PKP Fasa Satu Ada Kejayaan. *Berita Harian* <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/671806/COVID-19-pkp-fasa-satu-ada-kejayaan>.
- Bernama (2020, April 2). Perintah Berkurung Seluruh Thailand Mulai Esok. *Sinar Harian.* <https://www.sinarharian.com.my/article/77050/GLOBAL/Perintah-berkurung-seluruh-Thailand-mulai-esok>.
- Bhat, B. A., Khan, S., Manzoor, S., Niyaz, A., Tak, H.J., Anees, S., Gull, S., Ahmad, I. (2020). A Study of Impact of COVID-19 Lockdown on Psychological Health, Economy and Social Life of People in Kashmir. *International Journal of Science and Healthcare Research*, 5(2), 36-46.
- Bonwitt, J., Dawson, M., Kandeh, M., Ansumana, R., Sahr, F., Brown, H. dan Kelly, A. H. (2018). Unintended consequences of the ‘bushmeat ban’ in West Africa during the 2013-2016 Ebola virus disease epidemic. *Social Science and Medicine*, 200, 166-173.
- Chang, S. L., Harding, N., Zachreson, C., Cliff, O. M., Prokopenko, M. (2020). Modelling Transmission and Control of the COVID-19 Pandemic in Australia. Retrieved from <https://arxiv.org/abs/2003.10218>.
- He, F., Deng, Y., Li, W. (2020) Coronavirus Disease 2019: What we know? *Journal of Medical Virol.*
- Khor, V., Arunasalam, A., Azli, S., Khairul-Asri, M. G., & Fahmy, O. (2020). Experience from Malaysia During the COVID-19 Movement Control Order. *Urology*.

Kementerian Kesihatan Malaysia (2020). Situasi Semasa Jangkitan Penyakit Coronavirus 2019 (COVID-19) di Malaysia.

Overby, J., Rayburn, M., Hammond, K., dan Wyld, D. C. (2004). The China Syndrome: The Impact of the SARS Epidemic in Southeast Asia. *Asia Pacific Journal of Marketing and Logistics*, 16(1), 69–94.

Postmes, T., Haslam, S. A., & Jan, L., (2013). A Single-item Measure of Social Identification: Reliability, Validity and Utility. *British Journal of Social Psychology*, 52(4), 597-617.

Prati, G., Pietrantoni, L., & Zani, B. (2011). Compliance with Recommendations for Pandemic Influenza H1N1 2009: The Role of Trust and Personal Beliefs. *Health Education Research*, 26(5), 761-769.

Quinn, S. C., Parner, J., Freimuth, V. S., Hilyard, K. M., Musa, D., & Kim, K. H. (2013). Exploring Communication, Trust in Government and Vaccination Intention Later in the 2009 H1N1 Pandemic: Results of a National Survey: Biosecurity and Bioterrorism Biodefense Strategy, Practice and Science, 11(2), 96-106. doi.10.1089/bsp.2012.0048

Sibley, C. G., Satherley, N., Greaves, L. M., & Wilson, M. C. (2020). Effects of the COVID-19 Pandemic and Nationwide Lockdown on Trust, Attitudes towards Government and Wellbeing. <https://researchgate.net/publication/341266043>.

World Health Organization (WHO). 2020, COVID-19 Report 73. <https://www.who.int/docs/default-source/coronavirus/situation-reports/20200402-sitrep-73-COVID-19.pdf?sfvrsn=5ae25bc7-2>.